

**MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**  
(www.mppp.gov.my)

**TENDER**

1. Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam kod bidang yang berkenaan yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan masih dibenarkan untuk menyertai tender seperti berikut:-

| PERKARA                                                                                                                                                                                                         | KELAYAKAN     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| TENDER UNTUK BEKALAN UBAT ANTI TIFOID VAKSIN "TYPHERIX" (PREFILLED SYRINGE + 1 NEEDLE), PACKAGE 1 DOSE (0.5ML) SEBANYAK 15,000 DOS KE BAHAGIAN KESIHATAN AWAM, MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG BAGI TAHUN 2012. | KKM<br>090201 |
| Harga Dokumen: RM50.00 senaskah                                                                                                                                                                                 |               |
| Tarikh Tutup: Isnin, 27 Februari 2012, jam 12.00 tengahari                                                                                                                                                      |               |

2. Syarikat perlu berdaftar dengan Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui laman web [ep.penang.gov.my](http://ep.penang.gov.my) untuk menyertai tender. Dokumen tender hanya dijual secara 'on-line' melalui laman web tersebut dan perlu dibeli serta dimuat turun (download) melalui akaun ePerolehan masing-masing sebagai pengesahan pembelian.
3. Dokumen meja boleh dilihat di Kaunter Urusetia Tender, Jabatan Korporat, Paras 17 KOMTAR pada waktu pejabat (9.00 pagi – 4.00 petang).
4. Dokumen tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Kaunter Penerangan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Paras 3 KOMTAR, Jalan Penang, Pulau Pinang sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada tender yang lewat diterima.
5. Syarikat yang menyertai tender adalah dibenarkan untuk menyaksikan pembukaan tender pada tarikh dan masa tutup tender yang ditetapkan. Pengumuman harga hanya akan di baca bagi tender yang bersesuaian sahaja tertakluk kepada kebenaran/justifikasi Jawatankuasa Pembuka Tender.
6. Syarikat yang menyertai tender diwajibkan melengkapkan Surat Akuan Pembida.
7. Salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) hendaklah disertakan bersama dengan dokumen tender.
8. Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tender yang paling terendah harganya atau sebarang tender.

SETIAUSAHA PERBANDARAN  
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG  
Bertarikh: 01 Februari 2012